

18 NOV 1997

MEDIA BERBAHASA CINA HARUS LAPOR MENGENAI KEADAAN BEBAS JEREBU

PULAU PINANG, 18 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menggesa akhbar-akhbar berbahasa Cina melaporkan mengenai keadaan di Malaysia yang kini bebas daripada jerebu.

Beliau berkata mereka harus membantu menangkis laporan negatif oleh media Barat mengenai keadaan jerebu di Malaysia yang telah memberi kesan kepada industri pelancongan.

"Keadaan telah kembali pulih dan ini harus dilaporkan oleh media bagi menarik kembali pelancongan ke Malaysia," kata beliau pada Konvensyen Akhbar-akhbar Berbahasa Cina Antarabangsa ke -38 di sini.

Konvensyen lima hari itu dihadiri oleh peserta dari Malaysia, Hong Kong, China, Taiwan, Singapura dan Indonesia. ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Koh berkata memandangkan Malaysia mempunyai potensi dalam industri pelancongan, media harus memainkan peranan bagi mempromosikan industri berkenaan. -- BERNAMA

SA FAZ